

Pulau Pinang gesa teruskan monorel, PORR

GEORGETOWN: Kerajaan Pulau Pinang membantah keputusan Kerajaan Pusat berhubung pembatalan atau menangguhkan projek monorel dan Jalan Lingkaran Luar Pulau Pinang (PORR) dalam Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9).

Keputusan itu dicapai dalam mesyuarat Exco negeri semalam yang turut menganggap Pusat sebagai buruk siku kerana meminggir dan menghukum rakyat Pulau Pinang.

"Tindakan buruk siku Kerajaan Persekutuan yang merampas balik projek yang dijanjikan seakan-akan membiarkan dan mengabaikan Pulau Pinang.

"Exco negeri akan mendesak Kerajaan Persekutuan menghentikan politik balas dendam berikutan tsunami politik pada pilihan raya umum lalu," katanya menerusi satu kenyataan media yang dihantar oleh Setiausaha Politik kepada Ketua Menteri, Ng Wei Aik, semalam.

Menerusi kajian separuh penggal itu, projek Monorel Pulau Pinang bernilai RM2 bilion dan PORR bernilai RM1.5 bilion ditangguhkan dengan mengambil kira keadaan ekonomi semasa.

Fasa kedua RMK-9 bermula tahun ini hingga 2010, akan memberi tumpuan kepada projek yang mampu meningkatkan kesejahteraan dan pendapatan rakyat serta meneruskan agenda untuk mengukuhkan lagi ekonomi negara.

Ia mengutamakan projek kemudahan asas dan yang memberi manfaat langsung kepada rakyat seperti bekalan air, elektrik, kemudahan kesihatan, pendidikan, perumahan awam kos rendah, membasmi kemiskinan dan keselamatan awam.